



Universiti Pengurusan Terkemuka

**UUM CORPORATE COMMUNICATION
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

PEMAKLUMAN

**KEPUTUSAN PEPERIKSAAN AKHIR BAGI SEMESTER KEDUA SESI 2019/2020
(A192) BAGI PELAJAR SARJANA MUDA**

Universiti telah memutuskan bahawa pengajaran, pembelajaran dan pentaksiran bagi Semester Kedua Sesi 2019/2020 diadakan secara *remote learning* berikutan penularan wabak COVID-19 yang melanda negara pada tahun 2020. .

Menyedari bahawa pelajar merasa kurang selesa dengan norma pembelajaran yang baharu dan berbeza tersebut, Senat Universiti melalui inisiatif bersama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) telah memutuskan bahawa pelajar akan diberi peluang untuk memilih kaedah penggredan yang terbaik agar tidak menjejaskan Purata Matagred Keseluruhan (PMK) pelajar.

Pelajar akan diberi peluang memilih opsyen penggredan kecuali bagi kursus Praktikum yang akan kekal menggunakan sistem penggredan sedia ada. Opsyen ini akan memastikan pelajar dapat mengekal ataupun meningkatkan PMK berbanding semester sebelumnya.

Pilihan yang diberikan adalah seperti berikut:

Opsyen 1: Kekal dengan penggredan sedia ada (ada pengiraan PMS dan PMK); atau

Opsyen 2: Memilih gred Cemerlang, Memuaskan dan Tidak Memuaskan (tiada pengiraan PMS)

Sekiranya pelajar tidak membuat pilihan selepas tarikh yang ditetapkan, sistem akan mengguna pakai opsyen 1 secara automatik.

Pelajar diharap dapat memberikan perhatian dan mengambil tindakan sewajarnya terhadap tarikh dan tindakan berkaitan pengumuman Keputusan Peperiksaan Akhir seperti berikut:

TARIKH PENTING BERKAITAN PILIHAN SISTEM PENGGREDAN:

Bil	Perkara	Tarikh
1	Hebahan Keputusan Peperiksaan Akhir Semester A192 dan makluman untuk memilih gred melalui e-mel	15 Sept 2020 (Selasa) E-mel keputusan peperiksaan mengikut semester bermula jam 2.00 petang
2	Tempoh untuk pelajar membuat pilihan kaedah penggredan	17-19 September 2020
3	Keputusan Peperiksaan Akhir akan diproses semula berdasarkan pilihan pelajar	20 September 2020 (Ahad)
4	Hebahan Keputusan Peperiksaan Akhir semester A192 berdasarkan pilihan pelajar	21 September 2020 (Isnin)

Sekian terima kasih

Pengarah
Jabatan Hal Ehwal Akademik
Universiti Utara Malaysia
18 Ogos 2020